

Newspaper	Berita Harian
Date	28 February 2016



Najib bergambar bersama wakil penduduk Flet Muhibbah yang memenangi kebersihan flet selepas **merasmikan Kompleks Komuniti Muhibbah dan Kenduri 1 Wilayah Persekutuan** di pekarangan PPR Kampung Muhibbah, Seputih semalam.

(FOTO HASRIYASYAH SABUDIN/BH)

BH - 28/2/2016

Kerajaan Malaysia tak amal kuku besi: PM

» **Demokrasi disanjung tinggi, kestabilan politik negara dipertahan demi rakyat**

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kerajaan Malaysia bukan kerajaan kuku besi dan tidak mengamalkan pendekatan diktator, sebaliknya menyanjung tinggi demokrasi dan kestabilan politik, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, ke-

“Siapa cakap kerajaan akan tumbang? **Sedangkan Bajet dan Rang Undang-Undang dapat diluluskan di Parlimen dengan suara majoriti. Rakyat tidak perlu bimbang.**”

Najib Razak,
Perdana Menteri

pimpinan negara mengutamakan kestabilan politik dan kembali kepada rakyat setiap lima tahun untuk memilih kerajaan mereka.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan memberi jaminan kestabilan politik negara akan kekal dan dipertahankan demi kepentingan semua lapisan masyarakat.

Rakyat tak perlu risau

“Siapa cakap kerajaan akan tumbang? Sedangkan Bajet dan Rang Undang-Undang dapat diluluskan di Parlimen dengan suara majoriti. Rakyat tidak perlu bimbang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Kompleks Komuniti Muhibbah dan Kenduri 1 Wilayah Persekutuan di pekarangan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Muhibbah, Sepu-

tih di sini, semalam.

Kompleks bernilai RM8 juta itu akan memanfaatkan 10,693 penduduk taman perumahan berkenaan.

Kelmarin, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, Malaysia kini menuju ke arah negara diktator seperti Korea Utara dan orang ramai semakin bimbang diheret ke mahkamah atau dipenjarakan jika mengeluarkan kenyataan tidak menyebelahi Perdana Menteri.

Mampu urus tadbir ekonomi

Dalam pada itu, Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, dalam aspek urus tadbir ekonomi negara, Malaysia sentiasa berhadapan cabaran dan ancaman berkait rapat dengan ekonomi global, namun kerajaan masih mampu mengurus tadbir ekonomi secara cekap dan berhemah.

“Di sebalik cabaran itu, kerajaan masih berjaya mentadbir urus ekonomi dengan baik dan dibuktikan menerusi perakuan positif Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan beberapa agensi penarafan antarabangsa, baru-baru ini.

“Kita dapat pengiktirafan daripada agensi penarafan antarabangsa. Kalau ada orang kata ekonomi kita tak diurus dengan baik, mereka itu cakap politik sahaja, mereka tidak berniat baik.

“Malaysia tak terlepas daripada ancaman atau kesan perkembangan ekonomi dunia seperti krisis ekonomi Asia pada tahun 1997, 1998... kita juga terkesan. Kita parah pada masa itu kerana Malaysia adalah ekonomi yang terbuka,” katanya.

Menyentuh isu lain, Najib berkata, rakyat perlu terus bersama dengan kerajaan dan pasukan keselamatan dalam memerangi jenayah, keganasan dan ekstremisme kerana ia adalah asas penting dalam pembangunan sesebuah negara.